

REHDA

Tambah peruntukan Skim MyDeposit Ms.26



BH BISNES

PERGERAKAN RINGGIT


25 Ogos 2017

+0.0177



ISNIN	4.2870
SELASA	4.2825
RABU	4.2790
KHAMIS	4.2795
JUMAAT	4.2723

RM4.2800.00
RM4.2750.00
RM4.2700.00
RM4.2650.00



PERGERAKAN FBM KLCI


25 Ogos 2017

-7.05



ISNIN	1,771.62
SELASA	1,774.22
RABU	1,772.94
KHAMIS	1,775.50
JUMAAT	1,769.17

RM1,774.00
RM1,772.00
RM1,770.00
RM1,769.00
RM1,766.00
RM1,764.00



[FOTO EIZAIRI SHAMSUDIN / BH]

Aliran pembelian aset kekal kukuh



➔ REHDA syor pendekatan holistik tampung permintaan hartanah

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

Permintaan hartanah di Malaysia diunjurkan kekal kukuh sejajar dengan peningkatan penduduk di negara ini.

Malah, budaya orang Asia, termasuk di negara ini, yang ditanam sejak kecil untuk memiliki rumah sendiri juga akan terus memacu permintaan bagi hartanah.

Presiden Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA), Datuk Seri FD Iskandar, berkata membeli hartanah, sama ada kediaman, komersial atau industri, adalah antara pelaburan terbesar dilakukan individu dalam hidupnya.

Malah, katanya, hartanah juga adalah aset yang mewujudkan nilai paling tinggi dalam hidup seseorang.

"Pastinya, rakyat Malaysia mahu memiliki rumah. Itu adalah impian semua orang.

"Lazimnya, selepas habis belajar dan mula bekerja beberapa tahun, anda akan membeli rumah dan

kemudian berpindah ke rumah yang lebih besar apabila keluarga semakin membesar," katanya dalam temu bual eksklusif bersama Kumpulan Media Prima Bhd di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Sokong permintaan hartanah

FD Iskandar berkata, pertumbuhan penduduk terus menyokong permintaan terhadap hartanah.

Beliau berkata, bagi bandar besar, contohnya Greater KL, diunjurkan jumlah penduduknya akan mencecah 10 juta menjelang 2020 berbanding tujuh juta ketika ini.

Jadi, dalam tempoh tiga tahun lagi, Greater KL akan mempunyai tiga juta penduduk baharu, yang menyokong permintaan kukuh terhadap hartanah di wilayah berkenaan.

"Dengan purata empat orang tinggal dalam sebuah rumah, dengan tiga juta orang dijangka tinggal di Greater KL dalam tempoh tiga tahun lagi, kita memerlukan 750,000 rumah baharu bagi Greater KL dan kebanyakannya dalam kategori rumah mampu milik," katanya.

Lihat Ms.26



NADIBIZ

Best Farm bermula dengan 10 lembu Ms.28



SIME DARBY

Syor struktur semula dilulus Ms.69